

BERITA HARIAN

DATE: 27/4/2010

## Imej kepimpinan bantu kejayaan: Dr M

64-27/04/2010

**K**UALA LUMPUR: Kejayaan Datuk Seri Najib Razak, mengubah imej kepimpinan Barisan Nasional (BN) adalah faktor kemenangan parti itu pada pilihan raya kecil Parlimen Hulu Selangor, kelmarin, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, perubahan dibawa Perdana Menteri meningkatkan sokongan pengundi Melayu dan India terhadap BN, namun isu perkauman oleh pembangkang menyebabkan sokongan pengundi Cina terus merosot.

Dr Mahathir menegaskan beliau tidak bersikap perkauman, tetapi kempen pembangkang mendakwa BN bersifat perkauman memberikan sedikit kesan kepada pengundi Cina.

"Saya fikir kempen (pembangkang) bahawa kita (BN) adalah perkauman, saya bersikap perkauman, sedikit sebanyak ada kesannya juga.

Bagaimanapun, ini adalah politik. Justeru, mereka bebas mengatakan apa yang mereka mahu.

"Saya fikir BN sudah buat banyak benda (usaha menarik sokongan pengundi Cina) tetapi kita kena kajilah," katanya selepas menyampaikan ucapan tama pada forum A Strong China: Implications And Challenges, anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Dr Mahathir berkata, ada yang menyatakan politik perkauman berkurangan selepas Pilihan Raya Umum 2008, hakikatnya ia semakin kuat.

Beliau berkata, BN perlu melakukan analisis dan bedah siasat untuk mengetahui serta mengenal pasti masalah yang mengakibatkan ke-



DR MAHATHIR dikerumuni wakil media selepas forum anjuran NCCIM di ibu negara, semalam.

gagalan mencapai majoriti undi yang dijangkakan.

Ditanya prospek BN pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata:

"Saya fikir ada kemungki-

nan kita menang lebih daripada kali ini kerana keputusan pilihan raya 2008 bukan kerana parti BN kerana orang tertentu yang rakyat tidak suka."